

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SYED SADDIQ BIN SYED
ABDUL RAHMAN [MUAR]**

TARIKH : 12 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan rancangan bagi memastikan internet jalur lebar di negeri Sabah, Sarawak dan kawasan-kawasan di luar bandar besar seperti di Muar dapat dipertingkatkan bagi menjamin kemudahan pendidikan dan perniagaan, sekali gus dapat merencanakan pelaburan di sesebuah tempat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah dan sentiasa memberi tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan pelbagai teknologi untuk membolehkan rakyat terutama di Sabah dan Sarawak menikmati akses kepada perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi yang lebih menyeluruh.

2. Antara inisiatif-inisiatif penyediaan perkhidmatan jalur lebar di Sabah adalah seperti berikut:-

- a. sebanyak 65 menara baharu yang sedang dalam peringkat pelaksanaan bagi penyediaan perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G dan 4G. Kesemua menara ini dijangka siap dan beroperasi sepenuhnya secara berperingkat bermula suku pertama 2021; dan
- b. sebanyak 43,879 pelanggan di Sabah akan dinaiktaraf dari perkhidmatan rangkaian berasaskan tembaga kepada rangkaian gentian optik. Inisiatif yang akan dilaksanakan oleh Telekom Malaysia Berhad ini dijangka akan siap secara berperingkat menjelang akhir tahun 2021. Jumlah ini dijangka akan diselaraskan dari semasa ke semasa disebabkan oleh faktor peralihan langganan pelanggan.

3. Bagi Sarawak pula, antara inisiatif-inisiatif penyediaan perkhidmatan jalur lebar adalah seperti berikut:-

- a. sebanyak 31 menara baharu yang sedang dalam peringkat pelaksanaan bagi penyediaan perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G dan 4G. Kesemua menara ini dijangka siap dan beroperasi sepenuhnya secara berperingkat bermula suku pertama 2021; dan

SOALAN NO : 16

b. sebanyak 31,746 pelanggan di Sarawak akan dinaiktaraf dari perkhidmatan rangkaian berasaskan tembaga kepada rangkaian gentian optik. Inisiatif yang akan dilaksanakan oleh Telekom Malaysia Berhad ini dijangka akan siap secara berperingkat menjelang akhir tahun 2021. Jumlah ini dijangka akan diselaraskan dari semasa ke semasa disebabkan oleh faktor peralihan langganan pelanggan.

4. Bagi Parlimen Muar pula, sebanyak 78 menara dan struktur pemancar komunikasi telah siap dan beroperasi sepenuhnya pada masa ini. Manakala bagi jalur lebar talian tetap, sebanyak 6,808 sambungan telah tersedia dengan sambungan sebanyak 1,028 yang sedang dalam peringkat pelaksanaan. Sebanyak 2,834 pelanggan di Muar pula akan dinaiktaraf dari perkhidmatan rangkaian berasaskan tembaga kepada rangkaian gentian optik. Inisiatif yang akan dilaksanakan oleh Telekom Malaysia Berhad ini dijangka akan siap secara berperingkat menjelang akhir tahun 2021. Jumlah ini dijangka akan diselaraskan dari semasa ke semasa disebabkan oleh faktor peralihan langganan pelanggan.

5. Susulan pengalaman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang lalu, negara menyaksikan peningkatan penggunaan internet untuk menyokong pendidikan dan perniagaan atas talian, yang secara langsung telah mendorong kepada masyarakat untuk memulakan perniagaan atas talian bagi menjana pendapatan seterusnya menjana ekonomi setempat.

6. Dengan akses kepada kesalinghubungan digital yang lebih baik, rakyat boleh mengambil bahagian dan mendapat manfaat daripada ekonomi digital yang telah menjadi salah satu daripada aspirasi Kerajaan.

7. Menyedari hakikat ini, Kementerian dan SKMM juga sedang mengadakan sesi perancangan bersama pihak industri dan pelbagai agensi Kerajaan untuk memantapkan kualiti dan liputan perkhidmatan jalur lebar.